

Penyampai : YBHG TAN SRI ABDUL HALIM ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN MINGGU PERKHIDMATAN PEMBAYAR CUKAI LEMBAGA
HASIL DALAM NEGERI
Lokasi : AKADEMI PERCUKAIAN NEGARA, BANGI
Tarikh : 20-03-1999

Y.Bhg. Saudara Pengerusi Majlis Yang Berusaha Puan Najirah binti Mohamed Tassaduk Khan Ketua Eksekutif, Lembaga Hasil Dalam Negeri

Yang Berusaha Tuan Haji Abu Hassan bin Haji Md. Akhir Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Minggu Perkhidmatan Pembayar Cukai Anggota Lembaga Hasil Dalam Negeri Pegawai-Pegawai Kanan Lembaga Hasil Dalam Negeri

Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera, Saya ingin mengambil kesempatan pada pagi ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri yang telah sudi mengundang saya untuk melancarkan Minggu Perkhidmatan Pembayar Cukai (MPPC) bagi tahun 1999. Saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur dan kesemua kakitangan terlibat di atas persediaan mengadakan Majlis ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

2. Dalam keadaan ekonomi sekarang, peranan LHDN adalah amat mencabar, terutama sekali untuk membantu menambahkan pendapatan negara dari hasil cukai. Syabas diucapkan kepada LHDN kerana dapat memungut RM29.97 billion dalam tahun 1998, satu jumlah yang telah melepasi unjuran hasil yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Saya yakin kejayaan ini tidak akan tercapai tanpa kepimpinan pihak pengurusan dan komitmen setiap pegawai dan kakitangan LHDN. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan atas kejayaan ini.

3. Menjelang alaf baru ini, Perkhidmatan Awam amnya, dan Lembaga Hasil Dalam Negeri khususnya, akan menempuhi banyak cabaran baru. Bagi LHDN cabaran- cabaran ini adalah bagaimana mentadbir termasuk memungut cukai dalam keadaan di mana bentuk urusniaga adalah berbeza dari bentuk tradisi disebabkan oleh penggunaan IT secara meluas. Ecommerce, Eprocurement, infortainment dan sebagainya akan menjadi kenyataan. Oleh itu perundangan percukaian yang sesuai perlu diwujudkan bagi menangani keadaan ini. Saya difahamkan Minggu Perkhidmatan Pembayar Cukai Tahun ini akan menjadi landasan untuk menerangkan usaha-usaha Kerajaan memodenkan dan memperkemaskan sistem pentadbiran cukai.

Saya mengalu-alukan usaha ini kerana ia adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menggiatkan aktiviti perniagaan dan ekonomi negara. Antara langkah yang dicadangkan ialah mulai tahun 2000 sistem pengenaan cukai pendapatan akan diubah kepada sistem cukai berasaskan Tahun Semasa atau Taksiran Berasaskan Tahun Semasa. Mengikut sistem yang diamalkan sekarang LHDN membuat taksiran cukai atas pendapatan tahun sebelum untuk dibayar pada tahun berikutnya. Perubahan kepada Sistem Taksiran Tahun Semasa akan menambahkan efisiensi dan tindak balas pungutan cukai, supaya aliran tunai pembayar cukai dan Kerajaan dapat memperlihatkan prestasi ekonomi semasa. Dengan langkah ini juga, Kerajaan juga mengharap pematuhan cukai akan bertambah kerana sistem baru ini berkait secara langsung kepada prestasi ekonomi dan kebolehan pembayar cukai untuk membayar.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Satu lagi cadangan di dalam Belanjawan 1999, melibatkan pertukaran daripada sistem taksiran formal yang sedang diamalkan pada masa kini kepada Sistem Taksiran Sendiri yang akan diperkenalkan secara berperingkat-peringkat, bermula daripada kumpulan pembayar cukai yang terdiri daripada syarikat dalam tahun 2001. Dengan sistem ini pembayar cukai akan menentukan cukai pendapatan mereka sendiri berasaskan Undang-Undang Cukai Pendapatan yang ada. Peranan Lembaga akan berubah dengan

ketaranya, dari menaksir cukai kepada pendidikan cukai dan auditan. Dengan itu mendidik pembayar cukai dan memberi perkhidmatan berkualiti adalah satu tindakan wajar yang diharapkan dari LHDN. Kajian menunjukkan bahawa kos untuk mentadbir undang-undang percukaian adalah kurang sekiranya rakyat memahami undang-undang cukai pendapatan dan mematuhi secara sukarela daripada sekiranya mereka melakukan kesilapan atau pematuhan dibuat secara paksaan.

5. Satu lagi program yang telah dimulakan oleh LHDN pada tahun lepas ialah aktiviti "street survey" di mana lawatan ke premis pembayar cukai dibuat dengan tujuan membesarkan asas percukaian serta memberi kesedaran kepada orang awam terutama peniaga-peniaga tentang tanggungjawab mereka terhadap percukaian. Aktiviti ini memberi orang ramai satu peluang lagi untuk menerima khidmat nasihat pegawai LHDN tanpa mengunjungi pejabat LHDN. Pada hemat saya "street survey" ini merupakan pendekatan baru untuk pembayar cukai dan juga pegawai LHDN. Ia juga melambangkan perubahan yang akan berlaku dengan perubahan sistem taksiran tradisional kepada Sistem Taksiran Sendiri.

6. Dalam menghadapi cabaran-cabaran ini, LHDN perlu menampilkan imej yang lebih positif, responsif dan bertaraf dunia. Perundangan baru yang telah saya nyatakan sudah pasti memerlukan sesuatu transformasi atau perubahan radikal. Untuk menghadapi kesemua cabaran ini, proses dan sistem perlu dibaiki di samping meningkat dan memperkenalkan kemahiran dan kepakaran baru kepada pegawai dan staf. Dalam apa-apa perubahan juapun fokus terhadap pelanggan mesti diteruskan. Saya mengalu-alukan penganjuran Minggu Perkhidmatan Cukai ini kerana ia bermatlamatkan pelanggan ataupun pembayar cukai.

7. Dalam menetapkan dasar pelaksanaan perundangan baru, LHDN perlu juga memberi perhatian kepada sistem dan prosedur kerja kerana sistem dan prosedur menentukan bagaimana proses-proses kerja perlu diikuti untuk menghasilkan output yang dikehendaki. Sistem dan prosedur yang tidak cekap menghasilkan output yang tidak dapat memenuhi kehendak pelanggan atau perkhidmatan yang kurang memuaskan hati pelanggan. Oleh itu, sistem dan prosedur perlulah bersifat dinamik dan fleksibel supaya mudah diubahsuai agar dapat dijuruskan ke arah pencapaian misi organisasi. Program-program untuk memperbaiki sistem dan prosedur yang perlu diambilkira dalam memperkenalkan sistem taksiran baru mesti memberi tumpuan kepada memperkemaskan sistem pengurusan, penggunaan borang dan ketelusan dalam membuat keputusan, memperkemaskan sistem pengurusan rekod, meningkatkan automasi pejabat dan penggunaan teknologi maklumat yang menuju ke arah pengurangan penggunaan kertas.

8. LHDN berbeza daripada agensi-agensi lain yang memberi khidmat atau servis. Perbezaannya adalah pelanggan LHDN tidak mempunyai pilihan, dan mereka bukan datang untuk mendapatkan perkhidmatan tetapi mereka datang sebagai penyumbang hasil kepada Kerajaan.

Menyedari akan hakikat ini, matlamat asas LHDN perlu berorientasikan pelanggan, iaitu menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti seperti cekap, cepat dan mesra serta yang boleh dipercayai. Bagi mencapai matlamat ini, tumpuan perlu terus diberi oleh LHDN kepada pelaksanaan program seperti memperkukuhkan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM), menggalakkan inovasi, mempertingkatkan pelaksanaan Piagam Pelanggan, menyediakan perkhidmatan kaunter yang lebih berkualiti dan sentiasa meningkatkan pengetahuan pegawai-pegawainya.

9. Pada tahun ini, saya telah difahamkan bahawa kaunter-kaunter Minggu Perkhidmatan Pembayar Cukai ditempatkan di pejabat-pejabat Cawangan LHDN dan pembayar cukai bolehlah berurusan pada waktu pejabat, masa kelepasan makan maupun selepas waktu pejabat. Kaunter-kaunter MPPC tidak dibuka ditempat-tempat awam, seperti tahun-tahun lepas untuk menjimatkan belanja dan juga untuk kemudahan menyemak rekod. Dalam program MPPC tahun ini LHDN juga akan melayani permintaan untuk memberi ceramah percukaian daripada majikan-majikan. Ini adalah selaras dengan saranan kerajaan di mana agensi kerajaan perlu sentiasa mengambil pendekatan mementingkan rakyat, serta berketetapan dengan tema MPPC iaitu "LHDN SENTIASA BERSAMA ANDA".

Dengan lafadz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya melancarkan Minggu Perkhidmatan Pembayar Cukai bagi tahun 1999 pada pagi ini.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalah W.R.T.